



Medic Protector

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Lindungi
kesihatan anda.
Lindungi
nyawa anda.





Medic Protector

Tidak dapat dinafikan bahawa rawatan perubatan kini semakin canggih dan cepat, namun kos bagi penjagaan dan perkhidmatan perubatan juga semakin tinggi. Menyedari betapa mahalnya kos penjagaan kesihatan pada masa kini, **Medic Protector** boleh menjadi sebuah pelan perubatan yang dapat membantu anda pada saat anda memerlukannya. **Medic Protector** merupakan sebuah pelan perlindungan perubatan yang anda boleh miliki untuk melindungi diri anda serta keluarga anda daripada penyakit yang tidak diduga, tiada had sepanjang hayat.



Mampu Milik

Setiap orang memerlukan penjagaan perubatan pada bila-bila masa. Lindungi diri serta keluarga anda daripada kos perubatan yang tidak dijangka dan tinggi, dari serendah RM61.



Fleksibiliti

Pilih pelan yang bersesuaian dengan keperluan kewangan anda.



Tiada had sepanjang hayat

Dapatkan penjagaan dan rawatan perubatan sepanjang hayat anda*

*Tertakluk pada Had Tahunan dan/atau had manfaat




Manfaat Imunisasi Haji/Umrah

Kekal sihat sepanjang ibadah *Haji/Umrah* anda dengan mendapatkan vaksinasi dan berpeluang untuk menerima bayaran balik sehingga RM300 setiap 3 tahun.



Perlindungan tahunan berganda

Dapatkan perlindungan tambahan sekiranya anda disahkan menghidap barah, kerosakan buah pinggang dan serangan jantung.



Medic Booster

Tingkatkan Had Tahunan dan Had Sepanjang Hayat untuk Rawatan Pesakit Luar Kanser & Rawatan Dialisis Buah Pinggang dengan penambahan jumlah sumbangan yang minimum.

MEDIC BOOSTER

Medic Booster adalah manfaat tambahan yang akan meningkatkan Had Tahunan anda dalam **Medic Protector** dengan tambahan sebanyak RM1,000,000. Di samping itu, Medic Booster juga akan menggandakan Had Sepanjang Hayat Rawatan Pesakit Luar Kanser dan Buah Pinggang bagi setiap pelan **Medic Protector**. Oleh itu, dengan Medic Booster, kebimbangan anda terhadap kos perubatan masa depan boleh diketepikan.

*Nota: Medic Booster hanya boleh ditambahkan kepada **Medic Protector** - pilihan Sumbangan Rata.*

Tingkatkan Had Tahunan - Tambahan RM1,000,000 setiap tahun!

Pelan dan Jumlah Had Tahunan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 400
	RM150,000	RM200,000	RM300,000	RM400,000
Dengan Medic Booster				
	RM1,150,000	RM1,200,000	RM1,300,000	RM1,400,000

Tingkatkan Had Sepanjang Hayat untuk Rawatan Pesakit Luar Kanser & Rawatan Dialisis Buah Pinggang - Jumlah berganda!

Pelan dan Jumlah Had Sepanjang Hayat	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 400
	RM750,000	RM1,000,000	RM1,500,000	RM2,000,000
Dengan Medic Booster				
	RM1,500,000	RM2,000,000	RM3,000,000	RM4,000,000

SMARTSAVER300

SmartSaver300 adalah cara bijak untuk memaksimumkan nilai pelan perubatan anda. Memilih SmartSaver300 membolehkan anda menjimatkan sumbangan tahunan anda berbanding pilihan Perlindungan Penuh. Dengan sumbangan itu, anda dapat meningkatkan perlindungan.

Dengan SmartSaver300, anda perlu membayar hanya RM300 daripada jumlah Caj-caj Lazim dan Munasabah daripada suatu manfaat yang layak untuk sebarang hilang upaya.

Nota: Sekiranya SmartSaver300 dipilih, anda perlu membayar amaun tetap sebanyak RM300 daripada jumlah Caj-caj lazim dan Munasabah daripada suatu manfaat yang layak untuk sebarang hilang upaya. Item yang tidak tertakluk kepada SmartSaver300 adalah termasuk Bilik dan Penginapan Hospital, Pembedahan Harian, Pendapat Perubatan Kedua, Elaun Rawatan, Rawatan Kanser Pesakit Luar, Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, Pemindahan Organ, Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan Akibat Kemalangan, Manfaat Imunisasi Hajji/Umrah dan Manfaat Hospital Kerajaan.

Pilihan perlindungan lain:

Perlindungan Penuh

Kami akan membayar keseluruhan jumlah Caj-caj Lazim dan Munasabah untuk sebarang hilang upaya.

PILIHAN SUMBANGAN

Terdapat dua pilihan perlindungan:

(a) Sumbangan Bertingkat

Dengan Sumbangan Bertingkat, sumbangan **Medic Protector** anda akan berubah setiap 3 tahun¹.

(b) Sumbangan Rata

Dengan Sumbangan Rata, sumbangan **Medic Protector** anda akan kekal rata sepanjang tempoh¹.

Jadual Sumbangan

Untuk Pelan 200 dengan SmartSaver300, umur tamat tempoh 70 dan kelas pekerjaan 1 & 2.

Umur Kemasukan	Medic Protector - Sumbangan Rata	Medic Protector - Sumbangan Bertingkat
1	RM1,776.00	RM1,560.00
5	RM1,296.00	RM1,188.00
20	RM1,380.00	RM1,080.00
25	RM1,512.00	RM1,080.00
30	RM1,728.00	RM1,080.00
40	RM2,364.00	RM1,608.00
50	RM3,312.00	RM2,796.00

¹Sumbangan **Medic Protector** anda adalah tidak dijamin tanpa mengira pilihan sumbangan yang dipilih (sama ada bertingkat atau rata). Kami boleh menyemak semula sumbangan dan Tabarru` disebabkan keadaan tidak memuaskan seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi dengan memberikan notis bertulis 30 hari kepada anda. Untuk maklumat lengkap mengenai kadar sumbangan **Medic Protector** serta kombinasi pelan yang lain, umur tamat tempoh dan pilihan pelan, sila rujuk ke www.prubsn.com.my

CAJ-CAJ DAN POTONGAN

Peruntukan Sumbangan

Bagi **Medic Protector** dengan pilihan sumbangan Bertingkat, sumbangan perubatan anda akan diperuntukkan dengan menggunakan nisbah 80:20 untuk bahagian Medic Protection dan Medic Allocator. Kedua-dua bahagian ini akan dikenakan caj-caj *Wakalah* yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam bahagian *Caj Wakalah Pendahuluan*. Bagi **Medic Protector** dengan pilihan sumbangan Secara Rata, sumbangan perubatan anda akan diperuntukkan sebagai **Medic Protector** sepenuhnya.

Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta belanja pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah berdasarkan tempoh sumbangan selama 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk pada Ilustrasi Produk.

Tabarru`

Tabarru` ditolak setiap bulan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda untuk membayar perlindungan takaful anda. Tabarru` untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur, status merokok, kelas pekerjaan, tahap kesihatan, pilihan pelan perubatan dan perlindungan.

Tabarru` bermaksud menderma sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru` bagi tujuan saling membantu di kalangan peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

JADUAL MANFAAT

Manfaat & Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 400
Jika anda dimasukkan ke hospital				
Bilik dan Penginapan Hospital - Hospital Panel	RM150 sehari	RM200 sehari	RM300 sehari	RM400 sehari
Penginapan Maksimum di Hospital (setiap tahun)	120 hari	120 hari	150 hari	150 hari
Unit Rawatan Rapi (maksimum 120 hari setiap tahun)				
Prosedur Pembedahan dan Rawatan			Seperti yang dicaj. Jika SmartSaver300 dipilih, ianya adalah tertakluk pada deduktibel.	
Perkhidmatan Dalam Hospital dan yang berkaitan dengannya				
Jika anda memerlukan rawatan pesakit luar				
Pembedahan Harian	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj	Seperti yang dicaj
Penjagaan Jururawat	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Perlindungan penuh atau SmartSaver300	Perlindungan penuh atau SmartSaver300
Maksimum Hari Bagi Penjagaan Jururawat di Rumah (sepanjang hayat)	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	180 hari	250 hari
Rawatan Sebelum Masuk Hospital dan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh 120 hari sebelum dan selepas dimasukkan ke hospital)			Seperti yang dicaj. Jika SmartSaver300 dipilih, ianya adalah tertakluk pada deduktibel.	

Manfaat & Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 400
Jika anda sedang menghadapi situasi perubahan kehidupan				
Rawatan Kanser (Pesakit Luar) ¹	RM750,000 sepanjang hayat	RM1,000,000 sepanjang hayat	RM1,500,000 sepanjang hayat	RM2,000,000 sepanjang hayat
Dengan Medic Booster				
Rawatan Dialisis Buah Pinggang (Pesakit Luar) ¹	RM1,500,000 sepanjang hayat	RM2,000,000 sepanjang hayat	RM3,000,000 sepanjang hayat	RM4,000,000 sepanjang hayat
Had Tahunan Tambahan akibat Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang ²	RM150,000	RM200,000	RM300,000	RM400,000
Had Sepanjang Hayat Tambahan bagi Pemindahan Organ ³	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM100,000	RM100,000
Elau Rawatan untuk Kemoterapi, Radioterapi, Dialisis Buah pinggang, dan Penjagaan Susulan Serangan Jantung	RM100 sehari (Maksimum RM1,000 setahun; Maksimum RM10,000 sepanjang hayat)	RM100 sehari (Maksimum RM1,000 setahun; Maksimum RM10,000 sepanjang hayat)	RM100 sehari (Maksimum RM2,000 setahun; Maksimum RM20,000 sepanjang hayat)	RM100 sehari (Maksimum RM2,000 setahun; Maksimum RM20,000 sepanjang hayat)
Pendapat Perubatan Kedua • Rundingan dan Diagnosis di Malaysia	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM500 setahun
• Rundingan dengan Pakar Bertaraf Dunia				Ya
Sekiranya anda menghadapi Kecemasan				
Komplikasi Kehamilan ⁴	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	RM6,000 setahun	RM10,000 setahun
Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan akibat Kemalangan	RM1,500 setahun	RM1,500 setahun	RM2,000 setahun	RM3,000 setahun
Bantuan Perubatan Kecemasan Di Seluruh Dunia ⁵	Ya	Ya	Ya	Ya
Had Tahunan Keseluruhan	RM150,000	RM200,000	RM300,000	RM400,000
	Dengan Medic Booster			
	RM1,150,000	RM1,200,000	RM1,300,000	RM1,400,000
Had Sepanjang Hayat	-	-	-	-

Manfaat & Jenis Pelan	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 300	Pelan 400
Manfaat Tambahan				
Manfaat imunisasi <i>Haji/Umrah</i> (setiap 3 tahun) ⁶	Tidak Berkenaan	RM300	RM300	RM300
Manfaat Hospital Kerajaan	RM50 sehari	RM100 sehari	RM150 sehari	RM200 sehari

Nota:

Kesemua manfaat adalah tertakluk pada Terma dan Syarat sijil.

¹ Tiada had tahunan untuk Rawatan Kanser (Pesakit Luar) dan Rawatan Dialisis Buah Pinggang (Pesakit Luar).

² Had Tahunan Tambahan ini akan terpakai di atas Had Tahunan pelan yang dipilih pada setiap tahun sehingga manfaat ini ditamatkan. Penambahan ini hanya boleh dibuat SEKALI sahaja atas diagnosis pertama Kanser, Serangan Jantung atau Kegagalan Buah Pinggang, yang mana lebih dahulu.

³ Had tambahan bagi manfaat Tambahan Pemindahan Organ adalah had tambahan kepada had tahunan dan sepanjang hayat bagi pelan tersebut.

⁴ Manfaat Komplikasi Kehamilan dan Imunisasi Haji/Umrah adalah tertakluk kepada tempoh menunggu 365 hari. Manfaat Komplikasi Kehamilan hanya disediakan kepada Orang yang Dilindungi wanita dan perlindungan adalah daripada umur 18 sehingga umur 45 tahun sahaja.

⁵ Perlindungan seluruh dunia adalah untuk Orang yang Dilindungi yang tinggal/membuat perjalanan di luar Malaysia (tinggal di luar negara) tidak lebih daripada 90 hari setiap tahun.

⁶ Bagi kelayakan Manfaat Imunisasi Haji/Umrah, sijil anda mesti berkuat kuasa dan semua pembayaran sumbangan anda telah dibuat sehingga tarikh permohonan untuk menuntut manfaat ini.

NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai rider ini, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lampiran Keterangan Produk.
2. Untuk **Medic Protector**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
3. **Medic Protector** adalah pelan rider yang dijamin pembaharuanya. Ianya tidak menyediakan sebarang manfaat daripada Dana *Tabarru'* apabila berlaku penamatian sijil.
4. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh.
5. Sumbangan dan *Tabarru'* adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan dan *Tabarru'* yang disebabkan oleh keadaan tidak memuaskan seperti inflasi kos perubatan dan penggunaan perkhidmatan perubatan yang tinggi dengan memberikan notis bertulis 30 hari. Kadar yang disemak akan berkuatkuasa pada ulang tahun sijil yang akan datang. Untuk pilihan sumbangan bertingkat, ianya mungkin akan berlaku dalam tempoh 3 tahun sijil tersebut.
6. Sila rujuk pada www.prubsn.com.my atau muat turun aplikasi PruBSN Navigator secara percuma di Google Play dan Apple App Store untuk melihat senarai Hospital Panel.
7. Anda hanya boleh mendapatkan Pendapat Perubatan Kedua apabila anda disahkan menghidapi salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi.
8. **Medic Protector** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
9. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima bakinya sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, kerugian ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
10. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) daripada Dana *Tabarru'*. Bersama para peserta lain, anda berhak mendapat 50% daripada agihan lebihan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam ISA anda. Amaun sebenar bagi agihan lebihan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
11. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

PENGECUALIAN

Kami tidak akan membayar apa-apa kemasukan ke hospital atau pembedahan Orang Dilindungi atau caj-caj yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) daripada yang berikut:

1. Penyakit sedia ada jika penyakit tersebut tidak dinyatakan dalam borang cadangan atau apa juar borang lain yang berkaitan dengan keadaan kesihatan anda selepas sijil ini berkuat kuasa.

2. Penyakit spesifik yang berlaku semasa seratus dua puluh (120) hari yang pertama Tempoh Menunggu.
3. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu tiga puluh (30) hari yang pertama dari Tarikh Sijil, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh endorsan bagi Orang yang Dilindungi, yang mana terkemudian, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
4. Sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan semasa Tempoh Menunggu tiga puluh (30) hari yang pertama dari Tarikh Sijil, tarikh penguatkuasaan semula atau tarikh endorsan bagi Orang yang Dilindungi, yang mana terkemudian.
5. Kosmetik elektif atau pembedahan plastik kecuali pembedahan pembinaan semula yang diperlukan untuk memulihkan fungsi susulan kecederaan, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata, lensa dan pembetulan pembiasan atau pembedahan bagi rabun dekat dan/atau rabun jauh (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peranti prostetik luaran atau peranti perubatan tidak terhad kepada anggota tiruan, semua bentuk alat bantuan pendengaran peranti koklea, perentak jantung luaran atau diimplan, defibrillator kardioverter automatik yang diimplan dan preskripsinya.
6. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat (gigi patah yang disebabkan oleh mengunyah objek yang keras tidak dikira sebagai kecederaan akibat kemalangan) yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Takaful. Perbelanjaan yang timbul dari pemakaian gigi palsu, rawatan kanal akar, perkhidmatan prostetik seperti titian, pendakap, implan dan korona atau penggantianya tidak akan dibayar.
7. Pembedahan tinjauan atau eksperimen atau sebarang prosedur elektif lain termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan tidak konvensional, yang belum dibuktikan berkesan berdasarkan amalan perubatan yang ditetapkan, dan yang belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di dalam negara di mana anda menerima rawatan.
8. Penjagaan peribadi (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah) rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan penyakit berkaitan HIV dan semua penyakit kelamin.
9. Apa-apa rawatan atau pembedahan dijalankan untuk Keadaan Sejak Lahir termasuk penyakit keturunan.
10. Rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi, kehamilan, sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau sosial, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan).
11. Pemeriksaan perubatan rutin atau rundingan, kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang dianggap tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

12. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
13. Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh perperangan atau sebarang tindakan perperangan, serangan, perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada perperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, ketenteraan atau rampasan kuasa, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, pelanggaran mana-mana, atau cubaan melanggar undang-undang atau untuk menentang penangkapan, penyertaan secara langsung dalam rusuhan, mogok dan kekecohkan awam atau penderhakaan tentera.
14. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.
15. Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
16. Siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk perpeluhuan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, terapi sel induk (selain daripada untuk gangguan darah hemopoietik), terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan jururawat dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain.
17. Jagaan atau rawatan perubatan yang mana bayaran tidak diperlukan atau setakat yang dibayar oleh mana-mana Pengendali Takaful lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang yang Dilindungi dan Hilang Upaya yang diakibatkan oleh tugas-tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja.
18. Psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
19. Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pekar kemasukan dan barang bukan-perubatan lain yang tidak layak.
20. Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada selam skuba, terjun bungee, meluncur-gantung, belon panas, penerjunan, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, atau berlesen membawa penumpang-operasi pesawat komersil pada laluan berjadual tetap, melainkan kami bersetuju berbeza dalam pengendorsan khas.
21. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar seks atau transformasi jantina.
22. Jagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan anda atau pemulihan kepada keadaan kesihatan anda yang sebelumnya.
23. Caj-caj yang tidak Berpatutan dan Biasa Diamalkan, atau apa-apa pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau caj-caj yang melebihi Caj yang Berpatutan dan Biasa Diamalkan, atau caj-caj yang ditanggung kerana Dimasukkan ke Hospital, pra-Kemasukan ke Hospital dan/atau selepas Kemasukan ke Hospital selepas Tarikh Tamat Tempoh.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



PERTOLONGAN BERSAMA



**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "**Ta`awun**" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah **Tabarru`at** (**kebajikan**).

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Medic Protector adalah produk yang patuh Shariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Januari 2022.